



KENANGAN ... Dr Murnizam bergambar kenangan bersama AJK Pelaksana Program Minggu Keusahawanan UMSKAL.

Program Minggu Keusahawanan UMSKAL lahir mahasiswa berdikari

NST 6.11.2014 10

OLEH JAINUDIN DJIMIN

(jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Program Minggu Keusahawanan adalah merupakan titik tolak bagi melahirkan siswa siswi yang berupaya berdikari, mampu merancang dan dapat mengaplikasikan kemahiran dalam menguruskan kehidupan.

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr. Murnizam Haji Halik berkata program itu juga memberikan pendekatan berkaitan kepimpinan, disiplin dan kemahiran pengurusan yang perlu ada dalam diri para siswa siswi.

Beliau berkata program ini mampu membentuk siswa siswi menjadi usahawan pada masa akan datang, mengasah sikap kepimpinan serta kecekapan dalam menyelesaikan masalah secara kritis.

"Program Minggu Keusahawanan banyak mendedahkan mahasiswa peluang perniagaan dan kerjaya terutama di bidang perniagaan dan keusahawanan yang persaingannya semakin sengit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Program Minggu Keusahawanan UMSKAL 2014 di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL, baru-baru ini.

Turut hadir Dekan Fakulti Komputeran & Informatik, Prof Madya Dr. Ag. Asri Ag. Ibrahim, Pengetua Kolej Kediaman Alpha, Mohammad Sarwar E-Alam,



PARA ... Pemenang pertandingan sempena Program Minggu keusahawanan bersama hadiah masing-masing.

Penyelaras Program Minggu Keusahawanan 2014, Ryan Andrias Macdonell dan Pengarah Program Minggu Keusahawanan 2014, Fong Bao Hui.

Beliau tidak lupa mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana Program Minggu Keusahawanan 2014 yang telah bertungkus-lumus melaksanakan pengjurian program yang cukup bermanfaat kepada mahasiswa sekalian.

Katanya, pelbagai pengisian seperti "Business Forum" dan "Business Plan

Competition" yang terdapat dalam program ini yang telah mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

"Besarlah harapan saya agar Program Minggu Keusahawanan ini dapat diteruskan dan diperbaiki lagi pada masa-masa akan datang," katanya.

Sehubungan itu, Murnizam mahu siswa dan siswi menggunakan peluang seperti ini untuk menyertai program ataupun pertandingan yang dianjurkan untuk belajar mengaplikasikan pengetahuan dan ilmu mereka dalam kehidupan sehari-hari.